



BAHAGIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH,  
SERI ISKANDAR

## NOTIS PENDAFTARAN KONTRAKTOR GRED G1 BAGI TAHUN 2021-2022 (2 TAHUN)

---

Dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar bercadang untuk mendaftar kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam kelas G1 bermula pada 4 Januari 2021 hingga 29 Januari 2021.

### 1. TUJUAN PENDAFTARAN

- 1.1 Kontraktor yang ingin menyertai sebarang kerja yang melibatkan kerja pemberian terus dan undian dalam Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar adalah **DIWAJIBKAN** supaya mendaftar terlebih dahulu.
- 1.2 Selain daripada itu, ianya juga bertujuan untuk penyimpanan rekod dan maklumat oleh pentadbiran ini bagi mempermudah segala urusan berkaitan.

### 2. BORANG PENDAFTARAN

- 2.1 Borang pendaftaran boleh didapati di Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, serta boleh dimuat turun melalui laman web Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar di alamat **[www.pdtseriiskandar.perak.gov.my](http://www.pdtseriiskandar.perak.gov.my)** dan aplikasi *Facebook* **PLB PDTPT**.
- 2.2 Sehubungan itu, pihak kontraktor adalah dipelawa untuk mengemukakan profil syarikat yang lengkap mengandungi perkara-perkara seperti berikut :
  - a. Sijil Pendaftaran CIDB
  - b. Sijil PKK – Taraf Bumiputera
  - c. Sijil SSM
  - d. Penyata Kewangan Bank Syarikat
  - e. Pengalaman Kerja Syarikat
  - f. Gambar berukuran passport

- 2.3 Dokumen yang telah lengkap boleh dikemukakan kepada pentadbiran ini mulai 4 Januari 2021 sehingga 29 Januari 2021 sebelum jam 5.00 petang.

### 3. TEMPOH SAH PENDAFTARAN

- 3.1 Tempoh sah pendaftaran adalah selama Dua (2) tahun bermula dari bulan Januari 2021 dan berakhir pada bulan Disember 2022.

### 4. PERHATIAN

- 4.1 Borang hendaklah diisi dengan menggunakan pen atau cetakan computer dengan kemas dan bersih dan tidak dibenarkan diisi menggunakan cop kontraktor di semua ruangan. Cop kontraktor hanya digunakan pada kotak yang telah dikhaskan di bahagian bawah borang.
- 4.2 Hanya kontraktor berdaftar sahaja yang layak untuk menyertai sebarang kerja-kerja yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar.
- 4.3 Pihak kontraktor diminta agar membuat pendaftaran awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Hanya kontraktor Gred G1 yang pendaftarannya beralamat di dalam Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar sahaja dibenarkan untuk mendaftar.
- 4.4 Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap serta tidak disertakan dengan salinan dokumen seperti yang dikehendaki di dalam borang dan tidak dicop dengan cop kontraktor di kotak khas yang disediakan tidak akan diterima dan diproses (di tolak awal).
- 4.5 Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar di talian 05-3712095/2096.

Tarikh Pemberitahuan : 4 Januari 2021

Bahagian Pembangunan Luar Bandar  
Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar



No. Perakuan Pendaftaran : ...../21-22

**BORANG PENDAFTARAN  
KONTRAKTOR KELAS G1  
TAHUN 2021 & 2022 (2 TAHUN)**

(Gambar)

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT SYARIKAT**

1. Nama Syarikat : \_\_\_\_\_
2. Tempoh Lsen PKK : \_\_\_\_\_
3. No. Daftar CIDB : \_\_\_\_\_
4. Kategori : \_\_\_\_\_
5. Pengkhususan : \_\_\_\_\_
6. Tempoh Sah Laku Sijil CIDB : \_\_\_\_\_
7. Alamat Berdaftar Pejabat (seperti di sijil) : \_\_\_\_\_
8. No. Telefon : \_\_\_\_\_
9. Nama dan Alamat Bank Syarikat : \_\_\_\_\_
10. No. Akaun Syarikat : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B : MAKLUMAT PEMILIK**

1. Nama Pemilik (seperti di K/P) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_
4. No. Telefon : Pejabat : \_\_\_\_\_ Rumah : \_\_\_\_\_ H/P : \_\_\_\_\_
5. E-mel : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN C : PERAKUAN PEMOHON**

Saya dengan ini memperaku dan mengesahkan bahawa syarikat yang didaftarkan di atas adalah berada di Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar. Saya turut memperakukan bahawa segala maklumat yang diberikan dan segala dokumen yang disahkan bersama borang permohonan ini adalah benar. Saya sedar dan memahami bahawa jika maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah palsu, maka permohonan saya ini akan ditolak dan sebarang kelulusan yang telah diberi akan dibatalkan serta-merta.

Tarikh : .....

Tandatangan : .....

(Cop Rasmi Syarikat)

Catatan :

Sila kepilkan bersama salinan dokumen-dokumen berikut :

- |                                 |                                   |
|---------------------------------|-----------------------------------|
| a. Sijil Pendaftaran CIDB       | d. Penyata Kewangan Bank Syarikat |
| b. Sijil PKK – Taraf Bumiputera | e. Pengalaman Kerja Syarikat      |
| c. Sijil SSM                    | f. Gambar berukuran passport      |